

Headline	Ubat gigi untuk jemaah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	60,000
Page No	56	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	81 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 446
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,338



Ubat gigi untuk jemaah



SYARIKAT produk penjagaan gigi Colgate-Palmolive Marketing Sdn Bhd (Colgate) menyumbang 37,000 pek penjagaan mulut bernilai RM721,280 kepada jemaah haji di bawah Tabung Haji pada tahun ini.

Pengarah Kanan Pemasaran (Ubat Gigi) Colgate Nor Aziah Mohamad Said berkata, pek penjagaan mulut itu disumbangkan untuk memudahkan jemaah haji memelihara kebersihan mulut semasa mengerjakan haji.

"Kelengkapan penting penjagaan mulut yang diisikan dalam pek serbaguna itu merupakan cara mudah untuk jemaah haji mendapatkan senyuman lebih sihat."

"Kami amat menghargai peluang untuk menyumbang kepada jemaah haji Malaysia dan akan berusaha untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat di seluruh dunia dan di mana juga kami berada," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Pek penjagaan mulut itu terdiri daripada dua unit ubat gigi Colgate, satu berus gigi Colgate Extra Clean dan dua botol ubat kumur Colgate Plax Ice.

Ini adalah tahun keenam penglibatan Colgate dalam Program Sahabat Korporat Tabung Haji, iaitu satu daripada aktiviti tanggungjawab sosial syarikat itu.